



## UNDANG-UNDANG KECIL MENCEGAH KEKOTORAN (MBJB) (PINDAAN) 2004

*Anti-Litter (Johor Bahru City Council) (Amendment)  
By-Laws 2004*

## FIFTH SCHEDULE

NOTICE OF SALE FEE  
*[By-law 6(2)]*

(1) Amount of Arrears	(2) Notice of Sale Fee (RM)
RM1,000.00 and below	4.00
Exceeds RM1,000.00 but not above RM2,000.00	8.00
Exceeds RM2,000.00 but not above RM3,000.00	12.00
Exceeds RM3,000.00 but not above RM4,000.00	16.00
Exceeds RM4,000.00 but not above RM5,000.00	20.00
Thereafter for every RM1,000.00 or part thereof	2.00

Dated 31 January 2005  
 [KT 24/68/4; PUNJ Bil.(PU2)7 Jld 2(33)]

*President*  
*Pasir Gudang Local Authority*

Confirmed on the.....2005

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Johor*

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
 UNDANG-UNDANG KECIL MENCEGAH KEKOTORAN  
 (MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) (PINDAAN) 2004

## J. P.U 8.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 73(1)(a)(ii) dan seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

## Nama, pemakaian dan tarikh berkuatkuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Bandaraya Johor Bahru) (Pindaan) 2004 dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

### Pindaan am

2. Dalam Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Johor Bahru) 1981 [J.P.U. 57/1985], yang disebut "Undang-undang Kecil ibu" dalam Undang-undang Kecil ini adalah dipinda-

- (a) dengan menggantikan perkataan "Yang Dipertua" di mana-mana juga terdapat dengan perkataan "Datuk Bandar"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "Majlis Perbandaran Johor Bahru" di mana-mana juga terdapat dengan perkataan "Majlis Bandaraya Johor Bahru".

### Pindaan undang-undang kecil 2

3. Undang-undang kecil 2 Undang-undang Kecil ibu dipinda-

- (a) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "bangunan" takrif baru yang berikut-
 

" "Datuk Bandar" ertinya Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru;";
- (b) dengan menggantikan takrif "sampah-sarap kebun" dengan takrif baru yang berikut-
 

" "Sampah-sarap kebun" ertinya sampah-sarap daripada kebun dan aktiviti pertanian termasuk tumbuh-tumbuhan, sayur-sayuran, bunga, biji benih, dahan, daun, rumput, buah-buahan, pokok atau apa-apa bahagian pokok, atau tanah dari taman atau halaman sesuatu rumah atau bangunan atau jika tiada rumah atau bangunan, dari mana-mana tanah;";
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "sampah-sarap kebun" takrif baru yang berikut-
 

" "Sampah-sarap lusuh" ertinya apa-apa barang yang telah terpakai termasuk perabot, barang-barang elektrik dan apa-apa yang ditafsirkan sebagai buangan lusuh;";
- (d) dengan menggantikan takrif "kekotoran" dengan takrif baru yang berikut-
 

" "kekotoran" termasuklah mana-mana habuk, debu, pasir tanah, tanah merah, batu kelikir, tanah liat, batu, kertas, abu, bangkai, sampah-sarap, daun dan ranting, rumput, jerami, kotak, tong, bendera, cukuran, rambut, bulu, habuk gergaji, sampah-sarap kebun, sampah-sarap kandang, sampah-sarap perniagaan, baja, sampah, botol, kaca, tin, bekas makanan, pembalut makanan, sisa-sisa makanan, air titisan, air limbahan, air yang digunakan untuk membasuh kenderaan, sampah-sarap klinik atau hospital;" dan

- (e) dengan menggantikan takrif "tempat awam" dengan takrif baru yang berikut—

" "tempat awam" termasuklah tiap-tiap jalanraya awam, lebuh, jalan, jambatan, medan, lorong-lorong, jalan namkaki, siarkaki, perarakian, dermaga, jeti, pengkalan, sungai, anak sungai, terusan, parit talair, taman awam atau tanah lapang dan tiap-tiap pawagam, pelbagai jenis tempat hiburan awam atau tempat-tempat kunjungan awam di mana dikenakan pembayaran untuk memasuki ke dalam atau di mana orang ramai bebas masuk termasuk tandas awam, pondok menunggu bas dan teksi, pondok telefon, perhentian bas dan perhentian teksi."

- (f) dengan memotong takrif "Yang Dipertua".

#### Pindaan undang-undang kecil 3

4. Undang-undang kecil 3 Undang-undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (k) dengan perenggan baru yang berikut—

"(k) membuang, menyebabkan, mengakibatkan atau membiarkan pembuangan air di atas mana-mana tempat awam daripada mana-mana lopak, parit, pembetong, saluran air di kaki-kaki atap, tandas, limbah, apa-apa air basuhan dan cucian atau pancutan air.".

#### Pindaan undang-undang kecil 6

5. Undang-undang kecil 6(i) Undang-undang Kecil ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "atau" yang terdapat di hujung perenggan (f);  
(b) dalam perenggan (g), dengan memasukkan selepas perkataan "atau lorong belakang" perkataan "atau mana-mana tempat awam";  
(c) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (g), perenggan baru (h) yang berikut—  
"(h) melonggok atau menyebabkan dilonggok apa-apa barang atau benda termasuk pasir, batu, tanah, kayu, besi, tiang atau apa-apa bahan buangan pembinaan di mana-mana tempat awam.".

#### Undang-undang kecil baru 7A

6. Undang-undang Kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja undang-undang kecil 7, undang-undang kecil baru yang berikut—

**"Kuasa melepaskan**

7A. Apa-apa barang atau benda yang tidak tahan lama yang dialihkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru di bawah undang-undang kecil 7 boleh dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar, jika tidak dituntut oleh pemunya dalam tempoh yang munasabah dan pemunya selepas dari itu tidak berhak membuat apa-apa tuntutan ke atasnya.”.

Bertarikh 12 Ogos 2004

[KT 24/69/25; PUNJ. Bil. (PU 2)7 Jld. 2(35)]

DATO' HAJI WAHID BIN HAJI DAHLAN  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Johor Bahru*

Disahkan 20 Oktober 2004

HAIJI SALLEH BIN HAIJ AHMAD  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**  
**ANTI-LITTER (JOHOR BAHRU CITY COUNCIL)**  
**(AMENDMENT) BY-LAWS 2004**

IN exercise of the powers conferred by subsection 73(1)(a)(ii) and section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Johor Bahru City Council make, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirm the following by-laws:

**Citation, application and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the Anti-litter (Johor Bahru City Council) (Amendment) By-Laws 2004 and shall apply only to the Johor Bahru City Council.

(2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

**General amendment**

2. Anti-litter (Johor Bahru Municipal Council) By-Laws 1981 (J.P.U. 3/1982), which referred to as the "principal By-Laws" in these By-laws is amended-

- (a) by substituting for the words "President" wherever appearing therein the word "Mayor"; and
- (b) by substituting for the words "Majlis Perbandaran" and "Majlis Perbandaran Johor Bahru" wherever appearing therein the words "Majlis Bandaraya Johor Bahru".

**Amendment of by-law 2**

3. By-law 2 of the principal By-Laws is amended—

(a) by substituting for the definition of "garden refuse" the following new definition—

" "garden refuse" means the refuse from the garden and agricultural activities including plants, vegetables, flowers, seeds, branches, leaves, grasses, fruits, trees and any part of tree or earth from a garden or compound of a house or building or if no house or building, from any land;";

(b) by substituting for the definition of "litters" the following new definition—

" "litters" includes any dust, dirt, sand, earth, laterite, gravel, clay, stone, paper, ashes, carcase, refuse, leaves and branches, grass, straw, boxes, barrels, bales, shavings, hairs, feathers, sawdust, garden refuse, stable refuse, trade refuse, manure, garbage bottles, glass, can, food containers, food wrapper, particles of food, drops of or spilt water, water used to wash vehicles, clinic or hospital refuse;"

(c) by inserting immediately after the definition of "market" the following new definition—

" "Mayor" means the Mayor of the Johor Bahru City Council;"

(d) by substituting for the definiton of "public place" the following new definition—

" "public place" means includes every public highway, street, road, bridge, square, court, alley, lane, bridle way, footway, parade, wharf, jetty, quay, river, stream, canal, drain, public garden or open space and every theatre, place of public entertainment of any kind or other place of public resort to which admission is obtained or to which the public have access and includes public toilet, bus and taxi waiting booths, telephone booth, bus and taxi stations;" and

(e) by inserting immediately after the definition of "vehicle" the following new definition—

" "refuse waste matter" means any second hand material includes furniture, electrical goods and anything that can be interpreted as waste matter;".

(f) by deleting the definition of "President".

**Amendment of by-law 3**

4. By-law 3 of the principal By-Laws is amended by substituting for paragraph (k) the following new paragraph—

"(k) throws, causes, suffers or permits to be thrown upon any public place water from any ditch, drain, sewer, gutter, privy, cesspool, any washing and cleaning water or fountain.".

**Amendment of by-law 6**

5. By-law 6(i) of the principal By-Laws is amended—
- (a) by deleting the word “or” appearing at the end of paragraph (f);
  - (b) in paragraph (g), by inserting after the words “or back-lane” the words “or any public place; or”.
  - (c) by inserting immediately after paragraph (g), the following new paragraph (h)—  
“(h) deposits or causes to be deposited any article or thing in any public place includes sand, stone, earth, wood, iron, pillar or any construction refuse.”.

**New by-law 7A**

6. The principal By-Laws is amended by inserting, immediately after by-law 7, the following new by-law 7A—

**“Right to disposed**

7A. Any perishable article removed by Johor Bahru City Council under by-law 7 may be disposed of in such a manner as the Mayor may think fit, if no claim has been made by the owner within the reasonable time and owner shall not after the disposal have the right to any claim.”.

Dated 12 August 2004  
 [KT 24/69/25; PUNJ. Bil. (PU 2)7 Jld. 2(35)]

*DATO' HAJI WAHID BIN HAJI DAHLAN  
 Mayor  
 Johor Bahru City Council*

Confirmed 20 October 2004

*HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD  
 Clerk of the State Executive Council  
 Johor*

Hakcipta Pencetuk (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rukuman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
 CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2005  
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
 www.printnasional.com.my, email: pnmbjb@printnasional.com.my